

Pensyariatan Wasiat Dalam Islam

WASIAT dari segi bahasa berasal daripada perkataan wassa yang bererti memerintahkan, menasihatkan, menjanjikan atau pemberian harta selepas mati.

Dari segi istilah pula merujuk kepada pemberian atau sumbangan oleh seseorang kepada pihak lain setelah meninggal dunia sama ada perkataan wasiat itu diucapkan atau tidak dalam bentuk harta atau manfaat.

Pensyariatan wasiat dapat dilihat melalui nas al-Quran, hadis, amalan sahabat dan ijmak. Dalam al-Quran, Allah SWT memerintahkan seseorang itu supaya berwasiat seperti dalam surah al-Ma'idah ayat 106 yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, apabila salah seorang daripada kamu menghadapi kematian, sedang dia akan berwasiat, maka hendaklah (wasiat itu) disaksikan oleh dua orang yang adil antara kamu atau dua orang yang berlainan agama dengan kamu, jika kamu dalam perjalanan di muka bumi, lalu kamu ditimpa bahaya kematian."

Di samping itu, Rasulullah SAW menggalakkan seseorang itu membuat wasiat sebagaimana dalam hadis: "Tiada hak (patut) bagi seorang Muslim, mempunyai sesuatu yang boleh diwasiatkan dibiar hingga dua malam melainkan wasiatnya itu tertulis di sisinya." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Ikut Sunnah

Rasulullah SAW juga bersabda: "Sesiapa yang mati dalam keadaan meninggalkan wasiat, maka dia mati di atas jalan yang satu dan mengikut sunah. Dia juga mati sebagai seorang yang bertakwa dan bersyahadah serta mati dalam keadaan dosa-dosanya diampunkan." (Hadis riwayat Ibn Majah)

Antara syarat utama wasiat ialah pewasiat hendaklah seorang yang mukallaf (baligh dan berakal), merdeka dan tidak dipaksa serta pemilik kepada harta yang diwasiatkan.

Penerima wasiat pula hendaklah diketahui (kecuali untuk perkara kebaikan), wujud pada masa kematian pewasiat, berkeahlian memiliki harta dan bukan waris mengikut pendapat jumhur ulama' (Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali).

Harta yang diwasiatkan sama ada harta alih, tidak alih atau manfaat yang bernilai di sisi syarak, boleh dipindah milik selepas kematian pewasiat dan wujud dalam milikan pewasiat (jika ditentukan) atau wujud semasa kematian pewasiat (jika tidak ditentukan). Sighah wasiat boleh berlaku sama ada secara jelas (sarih) atau tersirat (kinayah) atau sama ada melalui lisan, tulisan atau isyarat.

Kadar harta yang boleh diwasiatkan oleh pewasiat menurut ketentuan syarak adalah setakat sepertiga daripada harta bersih peninggalan yang masih ada pada waktu kematiannya setelah digunakan untuk belanja pengebumian dan pembayaran hutang-hutang sekiranya ada.

Disebabkan itu, wasiat yang melebihi kadar sepertiga harta pewasiat adalah tidak sah kecuali waris-waris bersetuju dengan kadar yang lebih itu. Ini adalah bersandarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang melarang wasiat melebihi sepertiga daripada harta pewasiat.

Saad bin Abu Waqqas berkata: "Telah datang Rasulullah SAW untuk melihatku sedang aku berada di Mekah." Aku berkata: "Wahai Rasulullah, apakah aku harus mewasiatkan semua hartaku.", Baginda menjawab: "Tidak.", aku berkata: "Sebahagiannya.", Baginda menjawab: "Tidak.", aku berkata: "Sepertiga."

Baginda menjawab: "Ya, sepertiga dan sepertiga itu banyak. Sesungguhnya apabila engkau meninggalkan ahli waris kaya itu lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka miskin, meminta-minta kepada manusia dengan tangan mereka." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Perbezaan wasiat dan faraid:

1 - Pembahagian faraid ditetapkan oleh Allah dalam al-Quran manakala pembahagian wasiat tidak melebihi sepertiga daripada jumlah harta.

2 - Hukum faraid berlaku selepas kematian si waris manakala wasiat dilakukan ketika hidup dan berkuat kuasa selepas pewasiat meninggal.

3 - Hukum faraid yang menentukan kaedah agihan harta pusaka si mati kepada ahli waris yang berhak menerimanya, manakala wasiat boleh diagihkan kepada orang lain sekalipun bukan waris.

Berdasarkan penerangan di atas, perlu difahami bahawa pelaksanaan wasiat adalah berbeza dengan faraid. Terdapat ruang yang disediakan untuk kita menginfakkan sebahagian harta kepada individu-individu yang tidak termasuk dalam senarai pembahagian faraid dengan syarat tidak melebihi sepertiga daripada harta pusaka.

Justeru itu, dengan adanya instrumen wasiat, kita mampu membantu golongan yang tidak berkemampuan sekalipun kepada golongan yang bukan waris seperti anak angkat, fakir miskin atau jiran tetangga.

Lantaran sifat wasiat yang fleksibel, ia juga membuka ruang kebajikan kepada golongan yang berkemampuan untuk membantu individu-individu yang dalam kesusahan bagi memperoleh ganjaran pahala di akhirat kelak.

Artikel

Penuh: http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2015&dt=0402&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_03.htm#ixzz3XRQgiY15

Hakcipta terpelihara